

09/02/2003

Rakyat sedar pembohongan pembangkang

KOTA BHARU: Rakyat Kelantan diyakini akan bersikap lebih rasional dan matang apabila membuat perhitungan pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, berkata keadaan itu berbeza dengan pilihan raya umum 1999 berikutan isu semasa yang digunakan ketika itu.

Beliau berkata, rakyat terutama pengundi sudah keluar daripada arus pilihan raya 1999 kerana sudah terbukti pemimpin parti pembangkang hanya melakukan pembohongan selama ini.

"Kita yakin rakyat Kelantan akan buat pilihan yang tepat kali ini kerana semua pihak mahukan perubahan lebih positif berlaku di negeri ini.

"Pas adalah parti yang hidup bersandarkan maki-hamun, mencaci orang lain dan mengkhianati bangsa... Pas memang tak ada maruah.

"Ada pemimpin Pas menyifatkan (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai barua Amerika Syarikat sedangkan negara Islam seperti Arab Saudi dan Mesir mengiktiraf Dr Mahathir sebagai pemimpin dunia Islam.

"Kita jangan lupa... ketika (bekas Naib Presiden Amerika) Al Gore datang ke Malaysia dulu, siapa yang menyanjungnya kalau bukan parti pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis rumah terbuka sambutan Tahun Baru Cina anjuran Barisan Nasional (BN) Parlimen Kota Bharu bersama pertubuhan Cina di Stadium Sekolah Chung Cheng, di sini, malam kelmarin.